
Tindak Tutur Perbualan bersama Golongan Badwi dan Ansar: Analisa Strategi Komunikasi Rasulullah

MOHD FAIZAL KASMANI
NURUL ASIAH FASEHAH MUHAMAD
ROZITA ABDULLAH
NORNAJIHAN JAAFAR
NOR ZULAILI MOHD GHAZALI
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Teori tindak tutur atau teori “*speech act*” mengkaji kata-kata yang diucapkan yang dilihat sebagai satu tindakan atau perbuatan. Pada masa yang sama, teori ini juga menyumbang kepada pemahaman penggunaan gaya dan strategi komunikasi. Artikel ini menganalisa perbandingan tindak tutur Nabi Muhammad SAW dengan golongan Badwi dan golongan Ansar. Pertama, sampel pertuturan Rasulullah, yang diambil daripada Sahih Bukhari, dianalisa menggunakan kategori tindak tutur oleh John Searle untuk melihat bagaimana fungsi pertuturan Rasulullah dengan dua golongan tersebut. Kedua, daya ilokusi Rasulullah dan implikasi pertuturan baginda berdasarkan ungkapan yang dipilih dianalisa untuk mendapatkan corak dan strategi komunikasi terhadap dua golongan tersebut. Analisa menunjukkan bahawa daya ilokusi Nabi Muhammad terhadap kaum Badwi dan Ansar dalam menyampaikan ajaran Islam adalah berbeza. Dapatan berdasarkan teori tindak tutur menunjukkan komunikasi Rasulullah bersama kaum Badwi lebih tertumpu kepada daya ilokusi arahan secara tidak langsung dengan penggunaan kata kiasan yang melambangkan cara komunikasi yang lebih sopan. Manakala ucapan tindak tutur Rasulullah kepada kaum Ansar lebih berbentuk pernyataan dan arahan secara langsung dan daya ilokusi yang lebih ekspresif. Faktor kefahaman dan kesediaan menerima ajaran Islam boleh menerangkan perbezaan pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah terhadap kedua-dua golongan ini. Masyarakat Badwi dilihat mempunyai pengetahuan yang amat sedikit atau tiada langsung berkaitan Islam dan tahap penerimaan ajaran Islam dalam kalangan mereka dilihat amat rendah. Berbeza dengan golongan Ansar, mereka sudah melakukan perjanjian angkat sumpah dengan Rasulullah sekaligus menunjukkan kesediaan dan keinginan yang tinggi untuk menerima Islam.

Kata kunci: *Teori tindak tutur, Rasulullah, komunikasi Islam, hadis, strategi.*

Conversations with The Bedouin and Ansar: An Analysis of Rasulullah’s Communication Strategy

The speech act theory examines spoken words or the performative nature of words. Such language bears the attributes of performative utterances, which express a particular communication strategy of the Prophet. This article presents comparative analysis of Prophet Muhammad conversation with the Bedouin and the Ansar. The sample of Rasulullah's speech, taken from Sahih Bukhari, was analyzed. The aim of this article is to understand the Prophet's sayings based on the speech-act categories presented by John Searle to see how they function within the conversation. The prophet illocutionary force of an utterance is examined to discover themes in communication style towards both groups. Analyses show that Rasulullah’s communication strategy based on speech-act theory with the Bedouin is in the form of a directive but performed as an indirect speech act. The use of

indirect speech acts, including figurative language by the prophet, could be linked to the intention to be polite. The conversation with the Ansar in contrast is more direct with expressive illocutionary force. These differences in the Prophet approaches could be attributed to their level of understanding and their willingness to accept the teachings of Islam. The Bedouin people are seen to have little or no knowledge of Islam and the level of acceptance of Islamic teachings among them could be regarded as very low. The Ansar, in contrast, have pledged their allegiance with the Messenger of Allah which showed their willingness and desire to accept Islam.

Keywords: *Speech act theory, Islamic communication, Prophet Muhammad, hadith, strategy.*

PENGENALAN

Kajian bagi memahami makna teks sesuatu Hadis dari perspektif komunikasi dan bagaimana ia menerangkan strategi komunikasi Nabi Muhammad SAW dilihat sangat kurang. Pada masa yang sama, kajian yang lebih menjurus kepada aspek tindak tutur, terutamanya dari sudut komunikasi Hadis belum pernah lagi dijalankan. Justeru artikel ini melihat perbualan Rasulullah dalam Hadis dimana pendekatan analisa pragmatik melihat hubungan antara bentuk linguistik dan konteks (Kaburise, 2011; Thomas, 1995). Sifat kontekstual perbualan Rasulullah dilihat mengandungi peraturan yang mengawal komunikasi diantara baginda dan audien, dan aturan perbualan tersebut bergantung kepada pelbagai konteks sosio-budaya di mana komunikasi tersebut berlaku.

Artikel ini merupakan usaha untuk mengenal pasti bagaimana Nabi Muhammad menyatakan niatnya dalam bentuk komunikasi dan bagaimana audien baginda mentafsirkan niat atau mesej tersebut. Kebolehan Rasulullah menyampaikan niat dalam pertuturan dan kemampuan audien menafsirkannya secara efektif adalah bergantung kepada kualiti dan kemampuan komunikasi Nabi Muhammad. Artikel ini melihat perbandingan perbualan Nabi Muhammad khusus kepada dua kumpulan khalayak, iaitu kaum Badwi dan kumpulan Ansar. Ia juga cuba memahami strategi Rasulullah untuk menyampaikan mesej Islam kepada kaum Badwi dan Ansar, dua kumpulan yang mewakili segmen yang cukup penting dalam masyarakat Arab ketika perjalanan Nabi Muhammad dalam menyebarkan mesej Islam. Apa yang menarik tentang komunikasi Nabi Muhammad dengan kaum Badwi dan Ansar adalah perbezaan latarbelakang dan ciri-ciri kedua-dua masyarakat tersebut dan bagaimana Rasulullah berkomunikasi dalam menyampaikan mesej Islam kepada kedua-dua kumpulan berkenaan. Bagi kaum Badwi tidak seperti kumpulan lain dalam masyarakat Arab pada masa itu, agama mempunyai peranan yang cukup sedikit dalam kehidupan mereka. Mesej asas Islam agar mendasarkan kehidupan terhadap kepercayaan kepada tuhan yang satu yang dibawa oleh Nabi Muhammad adalah amat bertentangan dengan gaya hidup hedonistik yang diamalkan oleh mereka (Nicholson, 2014). Justeru kaum Badwi boleh dilihat sebagai kumpulan yang mempunyai pengetahuan tentang Islam yang amat sedikit berbanding kaum Arab yang lain. Berbeza dengan kaum Badwi yang merupakan masyarakat nomad, kaum Ansar merupakan penduduk tetap kota Madinah yang dikenali sebagai kota Yathrib sebelum hijrah Rasulullah pada 622AD. Bani Aus dan Khazraj yang merupakan puak dominan di Yathrib sebelum ini sering berperang dan menyebabkan keadaan huru hara dan ketidakstabilan. Kehadiran Nabi Muhammad yang membawa mesej Islam telah menyelesaikan ketidakstabilan yang melanda masyarakat di Yathrib. Tertarik dengan syiar Islam yang di bawa oleh Rasulullah masyarakat Yathrib melakukan sumpah setia kepada Nabi Muhammad, yang antara lain, untuk tidak menyekutukan Allah, berjanji untuk melindungi umat Islam dan hidup berlandaskan undang-undang Islam.

Cabaran dalam menganalisa tindak tutur Rasulullah dalam perbualan baginda dengan kaum Badwi dan Ansar adalah untuk memahami konteks sebenar pertuturan tersebut, serta petunjuk berkaitan tujuan berlakunya dialog berkenaan dan niat Rasulullah dalam pengucapan baginda. Terdapat beberapa rujukan dalam bentuk kitab penjelasan hadis atau *syarah* hadis yang menerangkan keadaan atau konteks sesuatu hadis berkenaan. Namun masih banyak Hadis Rasulullah yang tidak mempunyai penerangan kontekstual yang jelas mengenai sebab berlakunya komunikasi Rasulullah dengan dua kumpulan berkenaan.

MASYARAKAT BADWI DAN ANSAR

Masyarakat Arab secara amnya dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu masyarakat Badwi, yang hidup secara nomad, dan tinggal di padang pasir dan masyarakat Hadhari, masyarakat kota yang duduk secara tetap. Kaum Badwi selalunya tinggal di lembah dan dataran tinggi, iaitu di tengah-tengah Semenanjung Arab manakala Masyarakat Hadhari pula tinggal di sepanjang pantai Semenanjung Arab (Hanapi, 2013). Justeru kumpulan Ansar yang terdiri daripada Bani Aus dan Khazraj yang menetap di Yathrib boleh dianggap sebagai masyarakat Arab Hadhari.

Kaum Ansar merujuk kepada penduduk asal Madinah yang telah memeluk Islam dan membantu perjuangan Rasulullah di Madinah. Golongan Ansar terdiri daripada kaum Aus dan Khazraj (Al - 'Umari, 2013). Sebelum datangnya Islam, masyarakat di kota Madinah yang sebelum itu dikenali sebagai kota Yathrib telah dipecah belah oleh perselisihan dan peperangan yang berpanjangan dan penduduk Yathrib amat memerlukan pemimpin yang berwibawa untuk mengembalikan keamanan antara puak di kota tersebut (Abdul Wahab, 2012; Donner, 2014). Berita mengenai dakwah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad tersebar dan ramai pembesar Yathrib bertemu Rasulullah sekaligus tertarik dengan ajaran baginda. Ramai antara pembesar Yathrib memeluk Islam. Dalam sumpah setia mereka kepada Nabi Muhammad dalam perjanjian yang dinamakan perjanjian Aqabah pada 622AD, mereka antara lain berjanji tidak akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan melakukan perbuatan zina, tidak akan membunuh anak mereka, dan tidak akan memfitnah sesama mereka (Ibnu Hisham, 2000; Khel, 1982). Penduduk Yathrib juga memberi jaminan akan memberikan bantuan, kerjasama dan perlindungan kepada penduduk Mekah yang berhijrah (Al-Buti, 1988; Khel, 1982; Watt 1956).

Apabila pembesar Quraish di Mekah menyedari pergerakan pengikut Nabi Muhammad ke Yathrib, mereka bersepakat untuk membunuh Rasulullah. Rasulullah yang mendapat tahu mengenai perkara tersebut serta merta berpindah ke Yathrib dengan diiringi oleh Abu Bakar pada 622 A.D (Khel, 1982; Watt 1956).

Rasulullah menerima sambutan luar biasa oleh penduduk Yathrib. Selain keperibadian baginda, mesej Islam yang dibawa dilihat mampu menyelesaikan krisis ekonomi dan sosial yang membelenggu masyarakat Yathrib. Pengisytiharan piagam Madinah pada 622 A.D menjadi mercu tanda penting dalam penubuhan sebuah negara Islam (Al-Buti, 2012; Khel, 1982; Watt 1956).

Berbeza dengan Bani Auz dan Khazraj, kaum Badwi dicirikan oleh gaya hidup nomad yang bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain, mencari air dan padang rumput untuk kambing biri-biri dan unta mereka. Kehidupan kaum nomad ini lebih tertumpu kepada memenuhi keperluan asas kehidupan dan perlindungan diri. Untuk mencapai sumber-sumber yang dimahukan suku kaum Badwi sering terlibat dalam pertempuran gerila, yang melibatkan serangan dalam bentuk rompakan (Nicholson, 2014). Pertelingkahan antara

suku adalah perkara biasa bagi komuniti padang pasir ini. Matlamat utama kaum Badwi adalah melemahkan dan akhirnya menyerap suku-suku lain (Esposito, 1988).

Kesetiaan dalam kalangan ahli kumpulan, satu konsep unik bagi masyarakat Arab yang dikenali sebagai "asabiyya", adalah ciri utama suku Badwi. Bagi masyarakat Badwi, solidariti tidak berbelah bahagi terhadap anggota puak masing-masing dan pandangan bahawa puak atau suku lain adalah mangsa dan sasaran adalah menjadi satu kelaziman. Keperluan untuk melindungi suku sendiri daripada ancaman suku lain sangat penting dalam masyarakat Badwi (Esposito, 1988). Oleh yang demikian, konsep darah perlu dibayar dengan darah atau pembalasan dendam untuk menegakkan kehormatan suku kaum masing-masing adalah menjadi kebanggaan bagi setiap ahli suku kaum Badwi (Nicholson, 2014).

Pada tahun-tahun awal selepas Hijrah, adalah penting bagi Nabi Muhammad dan pengikut dari kumpulan Ansar dan Muhajirin untuk mendapat sokongan dari kaum Badwi. Seperti yang dinyatakan oleh Watt (1956, h. 84), adalah penting untuk Rasulullah mendapatkan sokongan daripada komuniti setempat di Madinah, supaya apabila baginda dan para pengikutnya meneruskan ekspedisi, mereka dapat bergerak secara bebas tanpa rasa takut diganggu. Perlu diingati bahawa Nabi Muhammad dan pengikutnya, sama ada Ansar atau Muhajirin adalah penduduk bandar. Mereka kebanyakannya tidak tahu selok belok kawasan padang pasir. Menurut Gabriel (2011) apabila Nabi Muhammad melarikan diri dari Mekah, baginda sendiri mendapatkan khidmat seorang Badwi untuk membimbing baginda dan pengikutnya melalui laluan padang pasir ke Madinah. Lebih penting lagi, sokongan daripada kaum nomad adalah penting bagi Nabi Muhammad untuk menjalin pakatan politik dan ketenteraan yang kuat dalam menghadapi kaum Quraish di Mekah. Gabriel (2011) menjelaskan bahawa pakatan politik dengan kaum Badwi adalah kunci kepada kejayaan awal penglibatan tentera Nabi Muhammad ke atas tentera Mekah. Beliau menambah bahawa Nabi Muhammad sendiri memiliki pengetahuan yang amat terperinci berkaitan tahap kesetiaan dan politik berpuk serta operasi gerila dalam kalangan kaum Badwi dan pengetahuan ini digunakan oleh Rasulullah untuk berunding dengan kaum Badwi. Bagi Nabi Muhammad, adalah penting untuk mendapatkan sokongan daripada puak-puak Badwi dan baginda sangat prihatin jika Quraish Mekah akan mendapat sokongan dari mereka dan bergabung untuk menyerang Madinah (Gabriel, 2011).

Konteks di atas adalah penting dalam mengkaji aspek tindak tutur Nabi Muhammad dengan kaum Badwi dan Ansar. Memandangkan konteks perbualan Nabi Muhammad tidak mudah ditentukan, maka adalah penting untuk mengetahui dengan siapa Rasulullah berbicara, dalam keadaan apa dan mengapa. Ini dapat membantu untuk menentukan analisa tindak tutur yang terlibat dalam pertuturan tersebut.

TEORI TINDAK TUTUR

Cetusan minat terhadap teori tindak tutur dalam menganalisa pemahaman terhadap ucapan kenabian, khususnya dalam bidang hermeneutik kitab suci seperti Injil dan Taurat telah dijalankan beberapa dekad yang lalu. Karya John Searle terhadap teori tindak tutur (1969), khususnya, telah mempengaruhi ahli-ahli teologi untuk menganalisis ucapan daripada kitab suci bagi memberikan pemahaman yang lebih luas mengenai ucapan para nabi (Randolph, 2017).

Teori tindak tutur John Searle, yang dikembangkan daripada teori J. L. Austin (1975) adalah berdasarkan hubungan antara komunikasi, tindakan dan bahasa. Teori tersebut menekankan bahawa penggunaan bahasa adalah berdasarkan kepada niat atau kehendak

seseorang itu (Searle 1983; Zainal, Musanif & Mydin, 2018). Dalam teori tindak tutur, keutamaan diberikan kepada makna pembicara dan niatnya. Setiap ucapan ditafsirkan sebagai perbuatan secara sengaja dalam situasi tertentu, atau dalam istilah yang mudah, bagaimana seseorang "melakukan sesuatu dengan kata-kata" (Houston, 1993).

Searle (1969) berpendapat bahawa apabila seseorang itu bercakap, ia adalah satu tindakan. Oleh itu, pengeluaran tindakan dalam pertuturan berkait dengan kemampuan seseorang itu berkomunikasi dengan berkesan. Ini dilihat sebagai tindak ilokusioner atau *illocutionary act*; iaitu, ucapan yang mengandungi makna agar seseorang untuk melakukan tugas tertentu (Yusof & Harun, 2015).

Searle mencadangkan lima asas bagi tindak ilokusioner; asertif (*assertive*) iaitu pertuturan yang menyatakan kebenaran kepada sesuatu perkara, arahan (*directive*) iaitu pertuturan agar seseorang itu melakukan sesuatu, komisif (*commissive*) iaitu tuturan yang berfungsi untuk menyatakan janji atau penawaran, ekspresif (*expressive*) iaitu tuturan yang berfungsi untuk menyatakan atau menunjukkan perasaan dan sikap terhadap sesuatu dan deklarasi (*declarative*) berdasarkan kepada bagaimana pertuturan boleh membawa perubahan terhadap sesuatu keadaan atau *status quo* seseorang itu (Searle, 1985). Setiap tindak ilokusioner boleh dibahagikan lagi kepada beberapa pecahan: arahan, sebagai contoh, meliputi tindak tutur memerintah, memohon, menasihati dan sebagainya. Leech (1983, hlm. 22-23) menerangkan dengan lebih lanjut bahawa sesuatu ucapan itu mungkin mempunyai beberapa tindak ilokusioner yang saling berkait dan bertindan dimana sesuatu tindak tutur itu boleh membawa satu atau lebih tindak ilokusioner.

Analisis teori tindak tutur yang dibawa oleh Austin dan Searle telah memberi dimensi baharu dalam analisa kitab suci kerana melalui teori tersebut, ucapan para nabi tidak lagi dilihat sebagai pengucapan deskriptif tetapi sebaliknya dengan niat untuk melakukan sesuatu. Walter Houston (1993) berpendapat bahawa dalam penafsiran kitab Injil, istilah-istilah yang digunakan oleh Nabi Isa seperti pengisytiharan, pengumuman, ancaman, amaran dan pengampunan, semuanya menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan adalah suatu lafaz performatif. Dalam erti kata lain, ucapan para nabi dalam kitab suci adalah untuk melakukan tindak tutur seperti memaafkan, berjanji, memberkati, mencabar, mendakwa, penolakan terhadap tingkah laku, jenayah atau kesalahan. Hasil dan kesan daripada ucapan atau aspek tindak perlokusi dapat dilihat dari segi dorongan dan inspirasi yang diberikan kepada pengikut berdasarkan kuasa pujukan para nabi melalui strategi komunikasi tertentu.

Tidak banyak kajian yang menganalisis ucapan Rasulullah dari perspektif analisis semantik. Terdapat satu kajian yang agak signifikan oleh Ahmad El-Sharif (2012) yang mengkaji bagaimana metafora digunakan dalam wacana hadis Nabi Muhammad. Ahmed menunjukkan terdapat empat cara bagaimana bahasa metafora digunakan oleh Rasulullah untuk menerangkan asas-asas kefahaman dalam Islam. Pertama, Islam merupakan pendekatan yang mempunyai matlamat yang jelas. Kedua, umat Islam adalah sasaran utama pendekatan yang dibawa oleh Rasulullah, dan mereka adalah pendukung kepada syiar Islam yang unik. Ketiga, amalan rohani menjadi pegangan utama umat Islam dan keempat, adalah situasi dan keadaan yang membezakan tahap-tahap pendekatan berlainan sebagai petunjuk bagi membimbing umat Islam.

METODOLOGI

Artikel ini tidak melihat ucapan Nabi Muhammad melalui formula bahasa yang khusus. Ini kerana melihat gaya ucapan Rasulullah melalui analisa bahasa dari aspek tertentu dilihat tidak mampu memberikan penghuraian menyeluruh terhadap konteks perbualan Rasulullah dengan kaum Badwi dan Ansar. Artikel ini melihat ucapan yang disampaikan oleh Nabi Muhammad sebagai teks yang dinamik, yang disampaikan untuk berkomunikasi dengan penonton yang tertentu. Ini bermakna pengucapan yang Rasulullah sampaikan adalah tindak balas kepada keadaan yang berbeza.

Melalui teori tindak tutur, artikel ini cuba menentukan strategi Rasulullah dalam berkomunikasi dengan golongan Badwi dan Ansar dalam menyampaikan mesej Islam. Justeru, analisis akan mengambil kira latar belakang sosio-ekonomi kedua-dua kumpulan bagi menentukan strategi komunikasi Nabi.

Tumpuan utama analisis adalah untuk mengkaji niat Rasulullah serta aspek performatif yang digunakan. Persoalan utama kajian adalah apakah tindak tutur ucapan yang digunakan oleh Nabi Muhammad terhadap kaum Badwi dan Ansar dan apakah strategi komunikasi Nabi Muhammad berdasarkan daya ilokusioner baginda dalam menyampaikan mesej Islam?

Hadis dari koleksi Sahih Bukhari dipilih sebagai sampel kajian. Sahih Bukhari dipilih kerana ia dilihat sebagai koleksi hadis paling sahih (Esposito, 2004). Bagi hadis berkaitan kaum Badwi, kata kunci "Al-a'rab" digunakan yang merujuk kepada penduduk padang pasir (Mawdudi, 2007, hlm. 290). Carian menghasilkan 13 Hadis dari Sahih Bukhari berkaitan perbualan Rasulullah dengan kaum Badwi. Manakala bagi hadis berkaitan kumpulan Ansar, kata kunci "Ansar" digunakan dan carian menghasilkan 28 hadis. Walau bagaimanapun, hanya lima Hadis dipilih bagi perbualan Rasulullah dengan Badwi dan enam hadis dipilih bagi perbualan Rasulullah dengan kumpulan Ansar selepas pengulangan hadis, atau hadis yang tidak melibatkan perbualan dengan Rasulullah disaring. Riwayat hadis dalam bahasa Arab dirujuk dalam analisa hadis namun hanya terjemahan bahasa Melayu daripada hadis tersebut digunakan dalam artikel ini. Ia dilihat mencukupi untuk memahami tindak tutur ucapan Rasulullah. Bagi memahami konteks perbualan Rasulullah, analisis perbincangan ucapan tindak tutur Muhammad turut bersandarkan kepada tafsiran dan penerangan hadis seperti karya Fatul Baari (Hajar, 1959), dan lima lagi kitab hadis yang dianggap sahih.

ANALISIS

Artikel ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana bahasa dan kata-kata yang disampaikan oleh Nabi Muhammad memberi kesan terhadap kaum Badwi dan Ansar dari segi pemahaman terhadap Islam, atau dalam konteks teori tindak tutur, bagaimana Nabi Muhammad bertindak dengan kata-kata. Aspek ini dilihat amat penting kerana ciri-ciri pertuturan Rasulullah dalam hadis yang diriwayatkan boleh dilihat sebagai komunikasi bertujuan untuk memujuk, menukar sikap, membuat seseorang bertindak melakukan sesuatu dan sebagainya.

Berdasarkan daripada enam hadis yang dianalisa daripada perbualan Rasulullah dengan kaum Badwi, daya ilokusi dari pengucapan Nabi Muhammad tertumpu kepada ucapan pernyataan (asertif) dan arahan. Dalam ucapan tindak tutur asertif, Rasulullah menyatakan atau menerangkan hal ehwal Islam kepada kaum Badwi. Manakala dalam tindak tutur arahan, Nabi Muhammad meminta atau mengarahkan kaum Badwi untuk melakukan sesuatu.

Ucapan asertif Rasulullah kepada kaum Badwi adalah dalam bentuk ucapan langsung dan tidak langsung. Analisis menunjukkan apabila pertanyaan kaum Badwi mengenai hubungan mereka dengan Tuhan, Rasulullah memberi ucapan tindak tutur berbentuk pernyataan secara langsung dalam bentuk mudah dan tidak merumitkan. Ini dapat dilihat daripada hadis perbualan Rasulullah yang diriwayatkan oleh Abu Huraira (Hadith (a), n.d.)

Seorang Badwi datang kepada Nabi dan berkata, "Beritahuku tentang perbuatan yang akan membuatkan ku masuk ke Syurga, jika aku melakukannya." Nabi berkata, "Sembahlah Allah, dan janganlah kamu menyekutukannya, laksanakan solat fardhu dengan sempurna, tunaikanlah zakat yang wajib, dan berpuasalah di bulan Ramadhan". Lelaki Badwi itu berkata, "Demi Dia, yang diriku ada ditanganNya, aku tidak akan melakukan lebih daripada ini." Apabila lelaki Badwi itu pergi, Nabi bersabda, "Sesiapa yang ingin melihat seorang lelaki penghuni Syurga, maka lihatlah lelaki ini."

Dalam hadis di atas seorang Badwi bertanya kepada Rasulullah berkaitan apa yang perlu dilakukan untuk baginda masuk syurga. Jawapan Nabi Muhammad: "*Sembahlah Allah, dan janganlah kamu menyekutukannya, laksanakan solat fardhu dengan sempurna, tunaikanlah zakat yang wajib, dan berpuasalah di bulan Ramadhan*" jatuh di bawah kategori ucapan tindak tutur asertif. Dalam ucapan ini, daya ilokusi Nabi Muhammad adalah untuk menjelaskan apa yang boleh dilakukan oleh lelaki Badwi itu untuk masuk syurga. Walaupun ia boleh dilihat sebagai arahan, namun daya ilokusi penegasan atau penerangan dilihat lebih tepat. Ini adalah berdasarkan kepada jawapan atau tindak perlokusi oleh lelaki Badwi. Baginda menjawab,

Demi Dia, yang diriku ada ditanganNya, aku tidak akan melakukan lebih daripada ini.

Hadis di atas penting kerana ia adalah situasi di mana Nabi Muhammad berbicara tentang amalan asas dalam Islam. Dalam perbualan di atas, Rasulullah memberikan jawapan secara langsung dan ringkas berkaitan rukun Islam. Strategi komunikasi ini dilihat amat sesuai kerana agama sememangnya mempunyai pengaruh yang sangat kurang dalam kehidupan orang-orang Arab sebelum itu. Menurut Phillip Hitti (2002), kaum Badwi mempunyai kepercayaan yang sangat kurang tentang kewujudan tuhan. Mereka lebih kepada penyembahan berhala yang dipercayai membawa nasib baik kepada mereka. Mereka lebih terarah kepada kehidupan hedonistik yang berkisarkan tentang cinta, arak, perjudian dalam memburu keseronokan dan hiburan (Hitti, 2002). Oleh itu, ucapan Nabi Muhammad secara ringkas kepada orang Badwi tentang apa yang dituntut oleh Allah SWT kepada mereka dapat dilihat sebagai cara untuk menjadikan Islam lebih mudah diterima oleh orang Badwi yang baru saja mula ingin mengetahui tentang Islam.

Tindakan perlokusi lelaki Badwi pada Hadis di atas bahawa beliau "*tidak akan melakukan lebih daripada ini*", jelas menyokong hujah di atas. Adalah penting untuk memahami bahawa bagi kaum Badwi kepelbagaian, kemajuan, dan evolusi bukanlah kemahuan atau tujuan hidup mereka (Nicholson, 2014). Masyarakat Badwi kebiasaannya enggan dipengaruhi oleh cara hidup kaum lain dan hanya melakukan apa yang mencukupi untuk kehidupan mereka.

Daya illokusisi pertuturan Nabi Muhammad dengan kaum Badwi juga lebih menjurus kepada komunikasi secara tidak langsung melalui penggunaan kiasan seperti yang dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Huraira (Hadith (b), n.d.) dibawah

“Ketika Nabi sedang berada dalam suatu majlis dan berbicara dengan orang yang hadir, tiba-tiba datang seorang Arab Badwi lalu dia bertanya kepada Rasulullah, “Bilakah akan terjadi hari kiamat?” Nabi terus berbicara. Sebahagian yang hadir berkata, “Baginda mendengar apa yang ditanyakan, tetapi pertanyaan itu tidak disenanginya” sementara yang lain berkata, “Baginda tidak mendengar pertanyaan itu.” Sehingga apabila Nabi selesai berbicara, Baginda bersabda, “Di mana orang yang bertanya tentang hari kiamat tadi?” Lalu Arab Badwi itu menyahut, “Ya! Saya wahai Rasulullah.” Maka Nabi bersabda, “Apabila amanah telah disia-siakan maka tunggulah hari kiamat.” Arab Badwi itu bertanya pula, “Apa yang dimaksudkan dengan mensia-siakan amanah itu?” Nabi menjawab, “Apabila urusan diserahkan kepada yang bukan ahlinya, maka tunggulah kedatangan hari kiamat.”

Dalam Hadis di atas, seorang Badwi mengganggu ceramah Nabi Muhammad dengan bertanya kepada baginda tentang bila akan berlakunya hari kiamat. Hadis diatas meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad tidak melayan pertanyaan tersebut dan meneruskan ceramahnya. “Dinyatakan bahawa Rasulullah samaada mendengar pertanyaan itu, tetapi tidak menyukainya atau Rasulullah tidak mendengarnya” (Hajar, 1956, hlm.226). Kedua-dua andaian tersebut mungkin tidak begitu tepat kerana selepas Nabi Muhammad menyelesaikan ceramahnya, baginda bertanya, "Di mana orang yang bertanya tentang hari kiamat tadi?" Ia menunjukkan bahawa Rasulullah mendengar soalan itu. Andaian bahawa Nabi Muhammad tidak menyukai apa yang ditanya oleh Badwi juga tidak dapat dibuktikan kerana baginda menjawab soalan itu setelah dia menyelesaikan ucapannya.

Nabi Muhammad sendiri mungkin sudah memahami akan gelagat orang Badwi yang mencelah dengan pertanyaan di tengah-tengah ceramahnya. Oleh kerana cara kehidupan kaum Badwi yang nomad dan berpindah-randah, mereka sememangnya tidak dikenali dengan budi pekerti yang tinggi. Bahkan dalam satu hadis, Rasulullah sendiri menekankan akan kesan kehidupan nomad dengan mengatakan, "*Mereka yang tinggal di padang pasir menjadi kasar dalam sifat dan karakternya*" (Saleh, 2001). Membincangkan isu lelaki Badwi yang mengganggu ucapan Rasulullah, Ibn Hajar (1959, hlm.265) menyatakan bahawa walaupun lelaki Badwi itu dilihat tidak beradab, cara Nabi Muhammad menjawab pertanyaan dari lelaki Badwi itu dilihat sebagai contoh orang yang berpengetahuan yang tidak mengabaikan soalan yang ditanya oleh seseorang yang ingin belajar walaupun dalam keadaan yang tidak sesuai.

Jawapan Nabi Muhammad mengenai persoalan mengenai kedatangan Hari Kiamat sekali lagi menunjukkan tindak tutur ucapan asertif dalam bentuk penerangan. Rasulullah, bagaimanapun, tidak menjawab soalan itu secara langsung, seperti apa yang ditanya oleh Badwi yang ingin tahu bila akan berlakunya hari kiamat. Sebaliknya, Nabi Muhammad menggunakan kiasan bahawa waktu hari kiamat akan tiba apabila “amanah disia-siakan”. Apabila ditanya lebih lanjut, baginda menjelaskan bahawa amanah yang disia-siakan merujuk kepada sesuatu kuasa atau urusan itu dipegang oleh orang yang tidak layak. Ucapan kiasan Rasulullah adalah satu komunikasi secara tidak langsung. Apa yang boleh

disimpulkan adalah jawapan Rasulullah kepada lelaki Badwi itu merupakan satu bentuk tanda atau ramalan kepada hari kiamat. Ini boleh dilihat sebagai satu cara baginda untuk menyatakan bahawa hari kiamat bukanlah perkara yang paling penting, tetapi hilangnya sifat kejujuran di kalangan manusia adalah isu yang merisaukan bagi umat Islam.

Kenapa Nabi Muhammad tidak menjawab soalan tentang hari kiamat tersebut dengan secara langsung? Satu tafsiran yang boleh dibuat adalah bahawa Rasulullah tidak tahu bila kiamat akan berlaku. Ini adalah sejajar dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Huraira (Hadis (c), n.d.) di mana Rasulullah mengatakan bahawa "*Hari kiamat adalah antara lima perkara yang tidak diketahui oleh sesiapa kecuali Allah...*". Satu lagi tafsiran yang boleh diberikan adalah syurga dan neraka merupakan konsep yang amat asing kepada kaum Badwi dan mereka tidak mempunyai apa-apa kesedaran dan kefahaman tentang alam selepas kematian (Knysh, 2016, Morgan, 2010). Menggunakan analogi masa untuk menerangkan tentang kedatangan Hari Kiamat mungkin menjadi strategi Rasulullah untuk menjelaskan kepada seseorang yang sangat baharu tentang konsep tersebut.

Analisa menunjukkan terdapat tindak tutur Nabi Muhammad terhadap kaum Badwi dalam bentuk perintah, arahan dan permintaan namun seperti dalam dapatan sebelumnya kebanyakannya dalam bentuk tidak langsung. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (Hadith (d), n.d.), seperti di bawah, menggambarkan hujah tersebut.

Rasulullah melihat seorang Badwi membuang air kecil di masjid dan memberitahu orang ramai supaya tidak mengganggu orang Badwi itu. Apabila dia selesai, Rasulullah meminta air dan menyimbah air tersebut ke atas air kencingnya.

Hadis di atas adalah tentang bagaimana Nabi Muhammad membiarkan seorang lelaki Badwi membuang air kecil di dalam masjid. Versi Hadis daripada Sahih Bukhari di atas merupakan versi ringkas bagi riwayat tersebut. Sunan Ibn Majah (Hadith (e), n.d.), memberikan butiran lebih terperinci mengenai perbualan antara Muhammad, lelaki Badwi dan para sahabat Nabi yang berada di tempat kejadian itu. Dalam versi tersebut, lelaki Badwi itu memasuki masjid dan berkata kepada Rasulullah "Ya Allah, ampunilah saya dan Muhammad, dan jangan ampuni orang lain selain kami".

Hadis tersebut juga memberitahu bahawa Nabi Muhammad tersenyum mendengar ucapan lelaki tersebut lantas menjawab melalui ucapan tindak tutur asertif tetapi secara tidak langsung dalam bentuk kiasan bahawa lelaki itu "telah meletakkan kekangan ke atas sesuatu yang sangat luas". Kenapa Rasulullah tersenyum? Salah satu tafsiran adalah bahawa Nabi Muhammad tahu bahawa semangat *asabiyyah* atau fahaman berpuak adalah penting bagi masyarakat Badwi. Justeru melindungi ahli suku atau mereka yang ingin dilindungi dianggap sangat penting. Oleh itu, apabila lelaki Badwi itu berkata, "Ya Allah, ampunilah saya dan Muhammad, dan jangan ampuni yang lain dengan kami", ia menunjukkan lelaki Badwi tersebut meletakkan Nabi Muhammad sebagai sebahagian daripada orang yang perlu dilindunginya.

Lelaki Badwi tersebut dilaporkan kencing di sudut masjid selepas perbualan itu. Dalam Sahih Muslim (Hadith (f), n.d.), diriwayatkan bahawa para sahabat Muhammad yang berada di situ ingin menghentikannya tetapi telah dihalang oleh Nabi Muhammad dengan tindak tutur ilokusi dalam bentuk arahan: "Jangan ganggu dia, tinggalkan dia bersendirian". Dalam Sunan Ibn Majah, diriwayatkan bahawa lelaki Badwi tersebut menyedari

kesilapannya dan berkata bahawa Rasulullah "bangun dan datang kepadaku... dia tidak menegur atau memarahiku". Dalam ketiga-tiga riwayat oleh Bukhari, Sahih Muslim dan Sunan Ibnu Majah, Nabi Muhammad dilaporkan memberikan tindak tutur arahan tetapi ia dilakukan dalam bentuk tidak langsung. Rasulullah diriwayatkan berkata, "masjid ini bukan untuk membuang air kecil tetapi ia dibina untuk mengingati Allah dan beribadat." Rasulullah dilihat menggunakan daya ilokusi dalam bentuk perintah tetapi secara tidak langsung yang menjadikannya lebih sopan.

Kenapa Nabi Muhammad tidak memarahi lelaki Badwi tersebut, dan menghalang sahabatnya daripada menghentikannya? Terdapat dua kemungkinan menurut Ibn Hajar (1959). Pertama, jika dia dihentikan di tengah-tengah urusannya, perkara tersebut tidak baik untuk kesihatannya. Kedua, Nabi Muhammad membiarkan lelaki itu menyelesaikan urusannya supaya najis air kencing tidak akan menjejaskan tubuhnya, pakaiannya atau kawasan lain di masjid. Namun apa yang lebih jelas adalah cara komunikasi Nabi Muhammad menggunakan ucapan tidak langsung, dan secara berlembut untuk menasihati lelaki Badwi itu yang sememangnya tidak menyedari akan kesalahan perbuatannya itu. Ia menunjukkan kelebihan Rasulullah dalam berdakwah seiring dengan hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik (Hadith (g), n.d.) di mana baginda berkata "Permudahkanlah dan janganlah kamu menyulitkan, berikanlah berita gembira dan jangan menakutkan."

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Huraira (Hadith (h), n.d.) sekali lagi menunjukkan contoh bagaimana Rasulullah memberikan ucapan tindak tutur arahan dan pernyataan secara tidak langsung. Dalam Hadis di bawah, seorang Badwi datang kepada Nabi Muhammad dan menyatakan bahawa bayi berkulit hitam yang dilahirkan isterinya bukanlah anaknya. Nabi Muhammad bertanya:

.. "Adakah kamu mempunyai unta?" lelaki Badwi itu menjawab, "Ya." Lalu Nabi bertanya, "Apa warnanya?" Lelaki itu menjawab, "Merah." Lalu Nabi bertanya lagi, "Adakah yang bewarna kelabu di antaranya?" Dia berkata, "Ya (ada)." Lalu Nabi berkata, "Dari manakah anda rasa warna ini datang kepada mereka?" Lelaki Badwi itu menjawab, "Wahai Rasulullah, ini disebabkan oleh keturunannya." Lalu Nabi berkata, "Dan anakmu juga mewarisi warna dari nenek moyangnya."

Dalam konteks ini pertanyaan Rasulullah kepada lelaki Badwi seperti di atas mempunyai fungsi tambahan dalam konteks dialog. Dengan menyoal lelaki Badwi tersebut mengenai warna kulit untanya, Nabi melakukan dua lagi ucapan tindak tutur secara tidak langsung, iaitu dalam bentuk arahan dan pernyataan.

Apa yang jelas, melalui pertanyaan, Rasulullah cuba memujuk lelaki Badwi itu untuk menukar tanggapan bahawa bayi lelaki tersebut bukan bayinya. Adalah menarik untuk kita lihat dalam menyokong pengucapan baginda, Nabi Muhammad menggunakan unta sebagai analogi. Ini dilihat sebagai langkah yang bijak kerana dalam kehidupan masyarakat Badwi, di mana perpindahan dari satu kawasan ke kawasan yang lain adalah satu perkara yang rutin, pemilikan unta dilihat sebagai harta atau tanda kekayaan yang amat penting bagi mereka. Haiwan unta bukan sahaja membantu mereka untuk bertahan dalam keadaan cuaca yang teruk di padang pasir, unta juga membantu mereka membawa senjata, makanan, malah khemah yang dihuni juga diperbuat daripada bulu unta (Knysh, 2016). Menurut Knysh

(2009), kebergantungan kaum Badwi terhadap unta itu dijadikan sebagai perumpamaan iaitu "*Kaum Badwi adalah parasit kepada haiwan unta*". Walaupun perumpamaan tersebut kedengaran tidak sopan, ia menggambarkan betapa pentingnya haiwan unta dalam kehidupan masyarakat Badwi.

Daripada lima perbualan Rasulullah dengan Badwi yang dianalisa dalam artikel ini, satu hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin Khalid (Hadith (i), n.d.), menunjukkan tindak tutur ekspresif daripada Rasulullah.

Seorang Badwi bertanya kepada Rasulullah tentang barang temuan, baginda menjawab: "Umumkanlah kepada khalayak dan tunggu sehingga tempoh setahun, jika pemiliknya datang, maka berikanlah barang tersebut kepadanya dan jika tidak gunakanlah ia." Dia bertanya lagi; tentang unta yang hilang?" Maka muka Rasulullah menjadi merah, kemudian baginda bersabda: "Apa urusanmu dengan unta yang hilang? Biarkanlah ia, kerana ia mempunyai kaki dan wadah airnya sendiri dan ia boleh mendapatkan air tersebut, minum dan makan tumbuhan. Biar hingga ia bertemu pemiliknya." Lelaki itu bertanya lagi tentang kambing yang hilang. Baginda menjawab; "Ia adalah milikmu, milik saudaramu atau milik serigala."

Dalam hadis di atas, jawapan Muhammad terhadap soalan pertama agar lelaki tersebut membuat pengumuman tentang barang yang ditemuinya selama satu tahun adalah tindak tutur dalam bentuk arahan secara langsung. Bagi soalan kedua, lelaki Badwi itu bertanya kepada Nabi Muhammad tentang unta yang hilang dan Zaid bin Khalid meriwayatkan bahawa wajah baginda menjadi merah. Jawapan Nabi Muhammad menunjukkan daya ilokusi antara arahan dan pernyataan serta menunjukkan baginda agak tidak selesa dengan soalan itu. Kemudian lelaki Badwi itu terus bertanya kepada Nabi tentang kambing yang hilang. Rasulullah menjawab dengan tindak tutur pernyataan bahawa ia boleh menjadi miliknya, saudaranya, atau serigala. Boleh ditafsirkan bahawa jawapan Nabi Muhammad sekali lagi menunjukkan bahawa baginda tidak suka dengan soalan tersebut. Pada dua persoalan sebelumnya Rasulullah memberikan justifikasi mengapa barang atau unta yang hilang perlu dibiarkan sehingga pemiliknya menemuinya. Namun bagi jawapan kepada biri-biri yang hilang itu Rasulullah menjawab dengan sedikit nada sindiran - "*milik kamu, saudara kamu, atau serigala*". Ia juga boleh dilihat sebagai persamaan atau *simile*, di mana Nabi Muhammad menyamakannya, dirinya, dan saudaranya dengan serigala, yang boleh memiliki biri-biri yang hilang tersebut.

Hadis di atas berbeza dari perbualan lain kerana Nabi Muhammad lebih ekspresif dan agak jelas bahawa baginda tidak selesa dengan pertanyaan lelaki Badwi itu. Ibn Hajar (1959, hlm.250) mengandaikan bahawa Nabi Muhammad kelihatan marah kerana soalan itu mungkin telah ditanya oleh orang Badwi tersebut sebelum ini. Adalah penting untuk dinyatakan bahawa dalam perbualan lain dengan kaum Badwi, Nabi Muhammad memberikan ucapan tidak langsung, yang boleh dilihat sebagai satu strategi kesopanan. Apa yang membezakan perbualan ini dengan perbualan Rasulullah yang lain adalah Hadis di atas berkaitan dengan barang yang hilang, sesuatu yang bukan menjadi hak lelaki Badwi dan mungkin kerana itulah Rasulullah lebih bertegas akan perkara tersebut. Dalam perbualan sebelum ini pertanyaan kaum Badwi kepada Rasulullah adalah mengenai isu-isu berkaitan mempelajari ajaran Islam.

Berbeza dengan kaum Badwi, analisa perbualan Rasulullah dengan kumpulan Ansar menyaksikan tindak tutur Rasulullah lebih kepada arahan dan secara langsung seperti yang ditunjukkan oleh hadis dibawah

Seorang wanita Ansar bertanya kepada Nabi bagaimana untuk menyucikan diri selepas tamat tempoh haid. Nabi bersabda: "Ambil sepotong kain wangi dengan wangian kasturi dan bersihkan bahagian sulit sebanyak tiga kali." Rasulullah merasa malu dan memalingkan mukanya. Maka Aisha menarik wanita tadi dan memberitahunya apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah.

Hadis yang diriwayatkan oleh Aisha (Hadith (j), n.d.) menunjukkan Rasulullah ditanya oleh wanita Ansar tentang cara bersuci selepas datang haid. Jawapan Rasulullah boleh dikategorikan dalam tindak tutur arahan, dengan langkah yang jelas dan secara langsung iaitu dengan "Ambil sepotong kain dengan wangian kasturi dan bersihkan bahagian sulit sebanyak tiga kali". Aisha kemudian meriwayatkan bahawa Rasulullah kemudiannya kelihatan malu dan memalingkan mukanya, iaitu satu tindak tutur ekspresif. Aisha kemudian menarik wanita tersebut untuk menerangkan apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah.

Hadis di atas jelas menunjukkan bahawa semasa zaman awal kedatangan Islam isu-isu yang berkaitan hal wanita termasuk cara bersuci tetap diberi perhatian oleh Rasulullah. Walaupun kadangkala Rasulullah sendiri tidak selesa dalam menerangkan mengenai perkara tersebut seperti yang ditunjukkan dalam hadis di atas, hal berkaitan wanita Islam adalah menjadi perkara penting bagi Rasulullah.

Menurut Yusuf Al Qardawi (1997) dalam buku baginda *The status of women in Islam*, kaum wanita Ansar sentiasa menghadiri sesi khutbah atau pengajaran Rasulullah. Seperti yang ditunjukkan dalam hadis di atas, isteri Rasulullah Aisha selalunya akan menjadi perantara Rasulullah terutama terhadap isu-isu berkaitan wanita. Walaupun dengan adanya Aisha, wanita Ansar tetap ingin mempelajari hal Islam secara langsung dengan Rasulullah. Ia menunjukkan keinginan mereka yang cukup tinggi untuk belajar tentang Islam. Malah menurut Qardawi (1997), mereka menuntut satu hari pengajaran yang khusus kepada kaum wanita kerana sesi pengajaran Rasulullah dikatakan sering didominasi oleh kaum lelaki.

Sebuah lagi hadis yang turut memperlihatkan perbualan Rasulullah berkaitan hal kaum wanita adalah hadis yang diriwayatkan oleh Zainab Abi Salama (Hadith (k), n.d.).

Umm Sulaym berkata "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah tidak malu dalam perkara yang hak. Apakah bagi wanita wajib mandi jika dia bermimpi?" Rasulullah menjawab: "Ya, jika dia melihat air mani." Umm Salamah (isteri Rasulullah yang turut hadir) menutupi wajahnya (kerana malu) seraya bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah seorang wanita itu bermimpi (basah)?" Baginda menjawab menjawab: "Lalu bagaimana seorang anak boleh menyerupai ibunya?".

Hadis di atas adalah perbualan Rasulullah dengan Umm Sulaym salah seorang sahabat rapat Rasulullah dan Umm Salamah, isteri baginda. Umm Sulaym bertanya sama ada perlukah seorang wanita mandi wajib kerana bermimpi? Jawapan Rasulullah, sama dengan hadis sebelumnya adalah dalam bentuk tindak tutur arahan dan pada masa yang sama pernyataan, dengan ringkas dan secara langsung –"Ya, jika ia rasa ada keluar cecair".

Umm Salamah yang berada di situ tersenyum (dan ada riwayat yang menyatakan beliau menutup mukanya kerana malu) kemudian bertanya “*apakah seorang wanita itu bermimpi (basah?)*”. Rasulullah kemudian menjawab dengan ringkas dalam bentuk persoalan retorik dan tindak tutur asertif “*Lalu mengapa seorang anak menyerupai ibunya?*”.

Berbeza dengan hadis di atas, Rasulullah tidak segan menjawab soalan tersebut. Salah satu sebab mungkin adalah kerana Umm Sulaym adalah sahabat rapat Rasulullah dan Umm Salamah yang merupakan isteri Rasulullah berada di situ. Selain itu dalam menjawab pertanyaan Umm Salamah, Rasulullah menjawab secara asertif dengan menggunakan pendekatan retorik dengan menyoal semula Umm Salamah (Kahn, 2016). Mengapa Rasulullah berbuat demikian? Antara sebab utama yang dapat disimpulkan adalah kerana Umm Salamah sememangnya dikenali sebagai seorang wanita yang bijak, hebat dalam berkata-kata dan tidak takut untuk mempertahankan perkara yang dipercayainya. Beliau juga dikenali sebagai seorang yang sangat berani dan merupakan satu-satunya isteri Rasulullah yang ikut serta bersama Rasulullah ke Perang Hdaybiah, Perang Khandak dan penaklukan kota Mekah.

Keberanian, kebijakan dan kepatahan Umm Salamah dan Umm Sulaym menggambarkan kehebatan wanita Ansar ketika itu. Wanita Ansar juga dikenali dengan mereka yang sangat berdikari. Aisha sendiri menggelarkan wanita Ansar sebagai kumpulan wanita yang hebat kerana tidak malu untuk mempelajari agama dan memperoleh pemahaman yang mendalam tentangnya (Jones-Pauly & Tuqan, 2011). Kerana itulah banyak hadis yang diriwayatkan antara Rasulullah dan wanita Ansar berkaitan hukum-hukum penting melibatkan kaum wanita seperti dalam hadis berikut yang diriwayatkan oleh Aisha (Hadith (I), n.d.).

Seorang wanita mempunyai anak yang sudah berkahwin dan rambut anaknya mula gugur. Wanita tersebut datang kepada Nabi dan berkata, "Suaminya mencadangkan agar anak saya memakai rambut palsu." Rasulullah bersabda, "Tidak, kerana Allah mengutuk wanita-wanita yang memanjangkan rambut mereka dengan memakai rambut palsu.

Hadis di atas sekali lagi adalah contoh Rasulullah menggunakan daya ilokusioner secara arahan untuk melarang wanita Ansar tersebut memakai rambut palsu. Jawapan Rasulullah ringkas dan jelas dengan menggunakan kata larang “Tidak”. Rasulullah juga dengan jelas memberitahu bahawa Allah tidak suka akan wanita yang memakai rambut palsu.

Sebuah lagi hadis yang diriwayatkan oleh seorang lagi ikon wanita Ansar iaitu Umm ‘Attiyya turut menyaksikan bagaimana Rasulullah menunjukkan cara wanita Ansar memandikan anak baginda yang wafat iaitu Zaynab. Rasulullah menggunakan daya ilokusi arahan secara langsung, secara ringkas dan berprosedur (Hadith (m), n.d.).

Dari Ummu ‘Athiyya seorang wanita Ansar: Rasulullah menemui kami ketika kematian puteri salah seorang daripada puteri baginda, lalu bersabda: “Mandikanlah dengan mengguyurkan air yang dicampurkan dengan daun bidara tiga kali, lima kali, atau lebih dari itu jika kamu anggap perlu dan jadikanlah yang terakhirnya dengan kapur baru (wangian) atau yang sejenis. Dan bila kamu telah selesai beritahu aku...”

Cara komunikasi Rasulullah secara langsung dengan wanita-wanita Ansar untuk menyempurnakan mayat anaknya yang diketuai oleh Umm 'Attiyya menunjukkan betapa wanita Ansar merupakan pengikut Rasulullah yang berdedikasi. Seperti Umm Salamah, Umm 'Attiyya adalah salah seorang wanita berani yang sering Rasulullah bawa untuk berkhidmat bersama tentera Islam dalam perang. Kerana hubungan yang rapat beliau dengan keluarga Rasulullah, maka beliau ditugaskan untuk menyempurnakan mayat anak Rasulullah.

Ucapan tindak tutur Rasulullah dengan lelaki Ansar juga hampir serupa dengan wanita Ansar, di mana Rasulullah lebih menggunakan tindak tutur berbentuk arahan dan secara langsung. Selain itu Rasulullah juga cenderung untuk lebih ekspresif dalam perbualannya dengan lelaki Ansar, sebagai contoh, melalui kata-kata pujian. Ia ditunjukkan dalam Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Humaid seperti dibawah (Hadith (n), n.d.).

Rasulullah bersabda: Sesungguhnya keluarga yang terbaik dalam kalangan orang Ansar ialah Banu An-Najjar, kemudian Banu `Abdul Ash-hal, kemudian Banu Al-Harith, dan Banu Saida dan semua keluarga Ansar itu baik. Saad bin Ubadah mengikuti kami dan berkata: "Wahai Abu Usaid, tidakkah engkau melihat Rasulullah meletakkan kita yang terakhir di kalangan keluarga Ansar yang terbaik?" Kemudian Sa'ad bin Ubadah menemui Rasulullah dan berkata: "Ya Rasulullah, kamu telah meletakkan kami yang terakhir dalam senarai keluarga ansar yang terbaik." Maka Rasulullah menjawab: "Adakah tidak mencukupi bagi kamu telah berada dalam kalangan yang terbaik"

Dalam hadis di atas Rasulullah memberikan kata pujian dalam bentuk tindak tutur ekspresif kepada keluarga-keluarga Ansar. Sa'd bin 'Ubada, salah seorang daripada ketua Bani Khazraj bagaimanapun mempersoalkan mengapa dalam pujian tersebut, keluarganya, iaitu dari Banu Saida, di kedudukan terakhir sekali. Rasulullah menjawab dengan daya ilokusi asertif dan persoalan retorik "*Bukankah engkau antara yang terbaik?*"

Perbualan di atas menunjukkan bahawa seperti kaum wanita Ansar, kaum lelaki Ansar dikenali dengan kepetahan dan keberanian mereka. Sebelum kedatangan Islam, Bani Aus dan Khazraj telah berjuang dalam banyak pertempuran dan peperangan dan keberanian mereka memang dikenali serta tersebar di seluruh tanah Arab (Khel, 1982). Maka tidak hairanlah lelaki Ansar, seperti dalam hadis di atas tidak kekok untuk melontarkan pandangan terhadap Rasulullah. Perbualan yang hampir sama juga berlaku dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik (Hadith (o), n.d.) seperti di bawah.

Suatu hari semasa hari Fath Mekah, semasa Rasulullah sedang mengagihkan harta rampasan perang kepada orang Quraish, orang Ansar berkata: "Demi Allah, perkara ini amat asing, sementara pedang kami masih basah dengan darah Quraish, harta rampasan perang kami telah diagihkan kepada mereka". Berita tersebut sampai kepada Rasulullah, lalu Rasulullah memanggil Ansar dan bertanya: "Adakah berita yang sampai kepadaku daripadamu?" Mereka menjawab: "Ya, benar". Rasulullah bersabda: "Adakah kamu tidak redha, mereka membawa balik harta ke rumah-rumah mereka dan kamu membawa balik pesuruh Allah ke rumah-rumah kamu?"

Jika Ansar merentasi lembah dan gunung, aku juga akan merentasi lembah Ansar dan gunung mereka.”

Dalam hadis di atas seorang lelaki Ansar mempersoalkan keputusan Rasulullah mengedarkan harta perang kepada kaum Quraish selepas penaklukan kota Mekah pada perang Hunain. Apabila Rasulullah tahu akan perkara itu Rasulullah bertanya semula kepada Ansar "*Adakah kamu tidak redha, mereka membawa balik harta ke rumah-rumah mereka dan kamu membawa balik pesuruh Allah ke rumah-rumah kamu?*". Strategi yang sama digunakan oleh Rasulullah seperti hadis terdahulu, iaitu dengan memberikan soalan berbentuk retorik dengan tujuan untuk memujuk atau ingin membuatkan kaum Ansar berfikir. Strategi retorik dengan menimbulkan persoalan tanpa mengharapkan sebarang jawapan merupakan satu alat persuasif yang efektif (Frank, 1990). Rasulullah seterusnya menggunakan tindak tutur komisif dan berjanji "*Jika Ansar merentasi lembah dan gunung, aku juga akan merentasi lembah Ansar dan gunung mereka.*", menunjukkan bagaimana Rasulullah meredakan kegusaran kaum Ansar bahawa baginda akan tetap bersama mereka.

Adalah penting untuk dinyatakan bahawa situasi yang dihadapi oleh Rasulullah adalah agak rumit kerana kaum Ansar mempersoalkan pernyataan atau arahan baginda. Namun Rasulullah menggunakan pendekatan kesopanan (*politeness*) yang positif, iaitu dengan meminimumkan perasaan gusar kaum Ansar (Levinston et al., 1987; Wibowo, 2018). Ini dilakukan oleh Rasulullah dengan meyakinkan kaum Ansar bahawa mereka tetap dihargai (*Bukankah engkau antara yang terbaik?*) dan menyatakan bahawa Rasulullah sentiasa bersama-sama mereka (*Tidakkah engkau gembira bahawa orang-orang tersebut mengambil harta rampasan ke rumah masing-masing dan engkau akan mendapat Rasulullah ke rumahmu?*)

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Artikel ini boleh dikatakan sebagai satu usaha yang belum pernah dijalankan dalam melihat strategi ucapan Rasulullah berdasarkan teori tindak tutur. Analisis menunjukkan bahawa daya ilokusi Nabi Muhammad adalah dalam pelbagai bentuk dan cara dalam usaha menarik minat penduduk Badwi dan Ansar kepada Islam. Apa yang membezakan kaum Badwi dan Ansar adalah masyarakat Badwi boleh dikatakan mempunyai pengetahuan yang amat sedikit tentang Islam dan tahap penerimaan agama Islam di kalangan masyarakat Badwi masih rendah. Berbeza dengan kumpulan Ansar yang terdiri daripada kaum Aus dan Khazraj, mereka sememangnya bersedia menerima Islam melalui perjanjian angkat sumpah bersama Rasulullah yang menunjukkan bahawa mereka mempunyai tahap keinginan yang tinggi untuk mempelajari agama Islam. Analisis menunjukkan strategi komunikasi Nabi Muhammad berdasarkan ucapan tindak tutur dengan kaum Badwi lebih menjurus kepada berbentuk arahan dan pernyataan tetapi dilakukan sebagai perbuatan tidak langsung. Penggunaan ucapan tidak langsung oleh Nabi Muhammad boleh ditafsirkan dengan cara berkomunikasi dengan lebih sopan bagi membantu baginda mencapai komunikasi yang berkesan dengan kaum Badwi (Leech, 1983). Penggunaan ucapan tidak langsung dengan menggunakan metafora, analogi dan soalan, adalah antara pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah bagi menghasilkan komunikasi interpersonal yang berjaya dengan kaum Badwi (Leech, 1983; Hamid, Zulkifley & Abu, 2015). Pertuturan Nabi Muhammad dalam bentuk pernyataan terhadap Badwi dalam menerangkan kepercayaan asas Islam dilakukan secara ringkas, jelas dan tidak memaksa. Strategi komunikasi ini menunjukkan pengetahuan dan

pemahaman Rasulullah tentang cara hidup masyarakat Badwi yang sangat asing dengan konsep ketuhanan yang esa yang dibawa oleh baginda. Gaya komunikasi Nabi Muhammad yang tidak berkeras dengan kaum Badwi juga boleh dikaitkan dengan usaha baginda untuk memenangi hati dan minda penduduk nomad. Adalah penting bagi Nabi Muhammad untuk menjalin pakatan politik dan ketenteraan dengan kaum Badwi selepas Hijrah baginda ke Madinah dalam menghadapi serangan kaum Quraish daripada Mekah (Gabriel, 2007).

Berbeza dengan masyarakat Ansar yang terdiri daripada kaum Aus dan Khazraj, tindak tutur arahan dan pernyataan Rasulullah adalah secara langsung, ringkas dan padat. Rasulullah jarang sekali menggunakan kata kiasan, sebaliknya Rasulullah menggunakan strategi persoalan retorik terutama ketika kaum Ansar mempersoalkan tindakan baginda. Perlu diingat, masyarakat Ansar dikenali dengan keberanian dan kebijakan mereka. Mereka sebelum ini sentiasa dalam keadaan bertelagah dan amat memerlukan seorang pemimpin dengan kaliber Rasulullah untuk menyatukan masyarakat di Yathrib ketika itu. Maka tidak hairanlah kaum Ansar berani bersuara jika ada sesuatu yang mereka inginkan kepastian. Kerana yakin dengan syiar Islam yang mampu mengubati masalah dalam masyarakat di Yathrib, mereka mengangkat sumpah untuk bersama-sama Rasulullah dan kaum Muhajirin dalam menyebarkan dakwah dan menentang musuh Islam. Selari dengan usaha Rasulullah untuk mewujudkan persaudaraan antara kaum Muhajirin dan Ansar, ucapan Rasulullah sentiasa untuk meredakan kegusaran kaum Ansar dengan janji yang Rasulullah akan sentiasa bersama-sama mereka. Selain itu mesej dakwah Rasulullah sentiasa menekankan akan semangat persaudaraan Muslim yang sangat diperlukan oleh masyarakat di Madinah pada masa itu bagi menghadapi musuh terutamanya tentangan dari penduduk Quraish.

Adalah penting untuk kita ketahui bahawa semua perbualan Nabi Muhammad yang dianalisa dalam artikel ini berlaku setelah baginda diangkat sebagai Rasulullah. Justeru, daya ilokusi baginda adalah berdasarkan kedudukan istimewa yang dipegang baginda sebagai seorang Nabi. Dalam Islam, setiap kata-kata dan perbuatan Rasulullah dijadikan sandaran kepada hukum dalam Islam atau dikenali sebagai *Usul al-Fiqh*. Riwayat berkaitan ucapan, tindakan dan perlakuan Rasulullah dianggap sebagai sumber penting dalam kehidupan Muslim. Jika perspektif ini diambil kira, maka ucapan dalam setiap hadis Rasulullah hanya boleh dilihat sebagai pengisytiharan atau tindak tutur *declarative*.

Namun teori tindak tutur yang diaplikasikan dalam kajian ini menawarkan penerangan yang lebih terperinci dalam menganalisa ucapan Rasulullah serta naratif dalam hadis. Ini dapat membantu kita untuk lebih memahami ucapan Nabi dengan lebih jelas selain daripada sekadar penentuan atau pengisytiharan hukum dalam Islam. Ia juga dapat merungkai keberkesanan strategi komunikasi Rasulullah (Pitchan, Rahman & Kashim, 2018) dan bagaimana kata-kata Nabi mempunyai kesan tertentu terhadap sasaran audien. Dengan teori tindak tutur, ia dapat memberikan perspektif berbeza dalam memahami teks hadis serta peribadi dan sahsiah Rasulullah dalam berkomunikasi dan berdakwah kepada kumpulan masyarakat Arab yang mempunyai latarbelakang yang berbeza.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah dibawah tajaan Skim Geran Penyelidikan Transnasional (TRGS), Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah geran USIM/TRGS02_PROJEK01/ISI/59/50616

BIODATA

Mohd Faizal Kasmani adalah Profesor Madya di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau menjadi wartawan penyiaran di saluran berita 8TV, Media Prima pada tahun 2005 selepas tamat pengajian di University of Sheffield dalam bidang Kewartawanan (Penyiaran). Emel: faizalkasmani@usim.edu.my

Nurul Asiah Fasehah Muhamad adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau aktif dalam penyelidikan dan penulisan dalam bidang hadis dan pendidikan, pendidikan anak-anak mengikut perspektif Quran dan hadis dan pendidikan Quran dan sunnah untuk OKU. Emel: nurulasiahfasehah@usim.edu.my

Rozita Abdullah adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. Bidang kajian beliau menjurus kepada pengajian audien. Emel: rozita@usim.edu.my

Nornajihan Jaafar adalah Profesor Madya di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau aktif dalam penyelidikan dan penulisan dalam bidang Pendidikan Al-Quran bagi Orang Kurang Upaya. Emel: noornajihan@usim.edu.my

Nor Zulaili Mohd Ghazali adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Bidang kajian dan penulisan beliau tertumpu kepada Isu semasa dalam hadis dan juga wanita daripada perspektif quran dan hadis. Emel: norzulaili@usim.edu.my

RUJUKAN

- Abdul Wahab, M. (2012) *Mukhtasar sirah Rasul*. Solo: Al-Qowam.
- Ahmad, A. (2016). Methodology of hadis comprehension: Interpretation techniques in fiqh al-hadis. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 8(1), 145-168.
- Al-Bukhari (1987). *Sahih Al-Bukhari* (3rd ed.). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Buti, R. (1988). *Fiqh sirah* (Trans. by Mohd. Darus Sanawi Ali., Vol. 1, 3rd ed.). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar
- Al-'Umari, A. D. (2013). *As-sirah an-nabawiyah ash-shahihah*. Riyadh: Al-'Ubaikan.
- Austin, J. L. (1975). *How to do things with words*. Oxford: Oxford university press.
- Blunt, W. S. (2013). *Bedouin tribes of the Euphrates*. UK: Routledge.
- Burton, J. (1995). Rewriting the timetable of early Islam. *Journal of the American Oriental Society*, 115(3), 453-462. doi: 10.2307/606222
- Donner, F. M. (2014). *The early Islamic conquests* (Vol. 1017). NJ: Princeton University Press.
- El-Sharif, A. (2012). Metaphors we believe by: Islamic doctrine as evoked by the Prophet Muhammad's metaphors. *Critical Discourse Studies*, 9(3), 231-245.
- Esposito, J. L. (1998) *Islam: The straight path* (first ed., pp. 3-36). Oxford: Oxford University Press.
- Esposito, J. L. (Ed.). (2004). *The oxford dictionary of Islam*. Oxford: Oxford University Press.
- Frank, J. (1990). You call that a rhetorical question?: Forms and functions of rhetorical questions in conversation. *Journal of Pragmatics*, 14(5), 723-738.
- Gabriel, R. A. (2011). *Muhammad: Islam's first great general* (Vol. 11). Oklahoma: University of Oklahoma Press.
- Gitay, Y. (1983). Reflections on the study of the Prophetic discourse: The question of Isaiah I 2-20. *Vetus Testamentum*, 33(Fasc. 2), 207-221.
- Hajar, A. A. I. (1959). *Fath al Bari bi Sharh al-Bukhari* (XII). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Hamid, Z., Zulkifley, M. A., & Abu, N. Z. (2015). Strategi komunikasi dalam kalangan murid pelbagai etnik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(1).
- Hanapi, M. S. (2013). From jahiliyyah to Islamic worldview: In a search of an Islamic educational philosophy. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(2), 213-221.
- Hitti, P. K. (2002). *History of the Arabs*. UK: Palgrave Macmillan.
- Houston, W. (1993). What did the prophets think they were doing? Speech acts and Prophetic discourse in the Old Testament. *Biblical Interpretation*, 1(2), 167-188.
- Ibn Hisham, A. (2000). *Al-sirah al-nabawiyah*. Jakarta Timur: Darul Falah.
- Ibn Ishaq, M. (1995), *The life of Muhammad* (trans. Guillaume, A.). Oxford: Oxford University Press.
- Jones-Pauly, C., & Tuqan, A. D. (2011). *Women under Islam: Gender justice and the politics of Islamic law* (Vol. 3). London: Ib tauris.
- Khel, M. N. K. (1982). Foundation of the Islamic state at Medina and its constitution. *Islamic Studies*, 21(3), 61-88.
- Kaburise, P. (2011). *Speech act theory and communication: A univen study*. Cambridge: Cambridge Scholars Publishing.
- Kahn, T. (2013). *Untold: A history of the wives of Prophet Muhammad*. NY: Monkfish Book Publishing.
- Knysh, A. (2016). *Islam in historical perspective*. UK: Taylor & Francis.
- Leech, G. N. (1983) *Principles of pragmatics*. London: Longman.

- Levinson, P., Brown, P., Levinson, S. C., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage* (Vol. 4). Cambridge: Cambridge university press.
- Mawdudi, S. A. (2007). *Towards understanding the Quran*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Morgan, D. (2010). *Essential Islam: A comprehensive guide to belief and practice*. US: ABC-CLIO.
- Nicholson, R. A. (2014). *Literary history of the Arabs*. UK: Routledge.
- Pitchan, M. A., Rahman, S. N. H. A., & Kashim, M. I. A. M. (2018). Teori al-daruriyyat dan penggunaan media sosial: Satu perbincangan konsep. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(4).
- Qardawi, Y., & Gemea'ah, M. M. (1997). *The status of women in Islam*. Cairo: Islamic Home Publishing and Distribution.
- Randolph, J. R. (2017). Salvation and speech act. Reading Luther with the Aid of Searle's Analysis of Declarations. *Perichoresis*, 15(1), 101-116.
- Saleh, F. (2001). *Modern trends in Islamic theological discourse in 20th century Indonesia: A Critical Survey* (Vol. 79). Netherlands: Brill.
- Searle, J. R. (1969). *Speech acts: An essay in the philosophy of language* (Vol. 626). Cambridge: Cambridge university press.
- Searle, J. R. (1983). *Intentionality: An essay in the philosophy of mind*. Cambridge: Cambridge university press.
- Searle, J. R. (1985). *Expression and meaning: Studies in the theory of speech acts*. Cambridge: Cambridge University Press.
- The Hadith (a): (Sahih Bukhari, Book 24, Hadis Number 3).
- The Hadith (b): (Sahih Bukhari, Book 3, Hadis Number 1).
- The Hadith (c): (Sahih Bukhari, Book 65, Hadis Number 4777).
- The Hadith (d): (Sahih al-Bukhari, Book 4, Hadis Number 85).
- The Hadith (e): (Sunan Ibn Majah , Book 1, Hadis Number 529).
- The Hadith (f): (Sahih Muslim, Book 2, Hadis Number 127).
- The Hadith (g): (Sahih Bukhari, Book 78, Hadis Number 152).
- The Hadith (h): (Sahih Bukhari, Book 96, Hadis Number 45).
- The Hadith (i): (Sahih Bukhari, Book 45, Hadis Number 14).
- The Hadith (j): n.d (Sahih Bukhari, Book 6, Hadis Number 20).
- The Hadith (k): n.d (Sahih Bukhari, Book 60, Hadis Number 3).
- The Hadith (l): n.d (Sahih Bukhari, Book 67, Hadis Number 139).
- The Hadith (m): n.d (Sahih Bukhari, Book 23, Hadis Number 21).
- The Hadith (n): n.d (Sahih Bukhari, Book 63, Hadis Number 17).
- The Hadith (o): n.d (Sahih Bukhari, Book 63, Hadis Number 3).
- Thomas, J. (1995). *Meaning in interaction*. London: Longman.
- Watt, W. M. (1956). *Muhammad at Medina*. Oxford, UK: Clarendon Press.
- Wibowo, A. H. (2018). The language of media supporting peace journalism. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3).
- Yusof, M., & Harun, K. (2015). Analisis lakuan tutur dalam ruangan status Facebook. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2).
- Zainal, M. Z., Musanif, A. M., & Mydin, A. A. (2018). Makna penutur bagi ujaran tak langsung dalam skrip drama Bahasa Melayu. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(2).